

## Tomok teruja sambung ijazah sarjana, pilih bidang pengajian persembahan

**Tanjong Malim, 20 Mac** - Selepas berjaya menggenggam segulung ijazah di Universiti Utara Malaysia (UUM) lima tahun lalu, penyanyi Tomok sekali lagi mencuri perhatian apabila berkongsi khabar gembira tentang perjalanan akademiknya yang masih berterusan. Perkongsian tersebut ternyata mengejutkan peminat yang tidak menyangka vokalis kumpulan New Boyz itu masih bersemangat dalam dunia pendidikan.

Menerusi satu hantaran di Instagram, Tomok atau nama sebenarnya Shah Indrawan Ismail berkongsi berita gembira bahawa beliau telah menerima tawaran kemasukan ke program Sarjana Pengajian Persembahan di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), sepenuh masa bagi Semester 2, sesi 2024/2025. Bapa kepada tiga cahaya mata itu meluahkan rasa syukur kerana tawaran tersebut membuka lembaran baharu dalam hidupnya, sekali gus meneruskan perjalanan akademik selepas menamatkan pengajian dalam bidang Pengurusan Industri Kreatif pada tahun 2020. "Perjalanan baharu buat saya selepas UUM, semoga dipermudahkan. Amin," tulisnya.

Sebelum ini, penyanyi yang terkenal dengan lagu Sejarah Mungkin Berulang itu pernah menyuarakan impiannya untuk menggenggam ijazah sarjana.

Bukan sekadar mengejar ilmu, malah penyanyi berusia 41 tahun itu mahu menjadi inspirasi buat tiga cahaya matanya agar mereka turut menanam impian untuk melangkah ke menara gading suatu hari nanti.



## UPSI perkasa keusahawanan komuniti melalui projek madu kelulut

**Tanjong Malim, 19 Mac** - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkuat kepakarannya dalam bidang keusahawanan dan kelestarian melalui Projek Penternakan dan Pengkomersialan Madu Kelulut, yang dilaksanakan di Maahad Tahfiz Bayt Al-Ikhlas, Lumut.

Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff, berkata projek ini merupakan manifestasi kepakaran UPSI dalam menerapkan elemen keusahawanan dan inovasi dalam pendidikan serta komuniti. Projek yang bermula sejak Julai 2024 ini bertujuan membantu komuniti memperoleh kemahiran serta menjana pendapatan melalui penternakan lebah kelulut secara sistematik dan terkawal.

"UPSI tidak hanya menumpukan kepada kecemerlangan akademik, tetapi juga mahu memastikan ilmu yang diperoleh dapat diterjemahkan dalam bentuk aplikasi yang memberi manfaat kepada masyarakat. Projek penternakan dan pengkomersialan madu kelulut ini adalah salah satu contoh bagaimana universiti menyumbang kepada pembangunan komuniti dan ekonomi negara," kata beliau lagi.



## PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## MYSaveFood @ Ramadan kini di Bazaar Ramahan Bandar Behrang 2020

**Behrang, 16 Mac** - MYSaveFood @ Ramadan tahun ini kini berlangsung di Bazaar Ramadhan Bandar Behrang selama 3 hari iaitu 14 – 16 Mac 2025.

Program ini merupakan program anjuran Persatuan Harmoni UPSI dengan kerjasama tiga pihak agensi luar iaitu Majlis Daerah Tanjung Malim, Belia Harmoni Malaysia dan Pertubuhan Pemuda Gema Malaysia (GEMA). Ia diketuai oleh Azhad Khalis Abdul Aziz, pelajar Semester 6 jurusan Pendidikan Fizik selaku Pengarah Program merangkap YDP Harmoni UPSI berjaya memberi pendedahan positif kepada peniaga-peniaga di bazaar ramadhan serta masyarakat sekeliling. Projek SaveFood berasal daripada Food and Agriculture Organization (FAO), iaitu sebuah badan antarabangsa yang bermatlamat membasmi kelaparan dan meningkatkan nutrisi serta keselamatan pemakanan.

Maka, Malaysia mengambil inisiatif ini dengan menubuhkan MYSaveFood @ Ramadan yang digerakkan KPDN dengan kerjasama rakan strategik, Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia (GEMA) yang kian mendapat sambutan memberangsangkan dari peniaga-peniaga seluruh negara.

MYSaveFood @ Ramadan merupakan satu inisiatif pengurusan sisu makanan (Food Waste Management) di bazar Ramadhan secara berstrategi melalui usaha menyelamatkan lebihan makanan dan minuman yang tidak berjaya dijual oleh peniaga bazar dan diagihkan kepada golongan yang memerlukan. Inisiatif ini selaras dengan "Matlamat Pembangunan Mampan" (Sustainable Development Goals) (SDG) 12.3 iaitu pengurangan separuh daripada sisu makanan global per kapita menjelang tahun 2030. Menurut laporan Bernama pada 20 Mac 2024, sebanyak 8.1 tan makanan bazaar ramadan seluruh Malaysia berjaya diselamatkan pada tahun 2024.

Program ini mendapat kerjasama daripada sukarelawan dari UPSI dan serta sukarelawan daripada masyarakat Tanjung Malim. Makanan dan minuman yang terkumpul daripada peniaga-peniaga akan ditimbang, dikategorikan mengikut jenis makanan, dibungkus dan dilabelkan stiker pesanan mesra kepada penerima makanan dengan moto 'LIHAT, HIDU, RASA'. Seterusnya setiap bungkusan makanan dan minuman ini akan diedarkan kepada keluarga asnaf, masjid-masjid dan surau-surau yang berdekatan.

## Majlis Iftar di Scholar's Suite Hargai Staf PKM

**Tanjong Malim, 19 Mac** – Pejabat Karang Mengarang (PKM) menganjurkan Majlis Iftar pada hari ini bertempat di Scholar's Suite, UPSI.

Menurut Pengarah PKM, Profesor Madya Dr Nordiana Hamzah, majlis ini dirancang sebagai tanda penghargaan jabatan kepada staf PKM selain meraikan kejayaan terkini melibatkan PKM.

"Tahniah dan terima kasih buat warga PKM kerana menjulang nama

pejabat ini sehingga kini. PKM juga bersyukur kerana penemuan audit dalam di PKM telah pun ditutup pada 13 Mac lepas," kata Dr Nordiana.

Timbalan Pengarah PKM, Dr Laili Farhana Md Ibharim berkata PKM amat berbesar hati di atas usaha Seksyen Jurnal dan Sidang Editor Journal Science and Mathematics Letters (JSML) dari Fakulti Sains dan Matematik (FSM) dalam mengangkat nama UPSI melalui pengindeksan Scopus kedua yang diterima UPSI baru-baru ini.



## Pemindahan Ilmu (KTP) - Model Kursus Asinkron (Asynchronous) Tingkat Kemahiran Komunikasi Lisan

Model Kursus Asinkron diperkenal di SK Sungai Buaya, Rawang pada 6 hingga 8 November 2024 bertujuan meningkatkan kemahiran komunikasi lisan pelajar. Program ini menggunakan aktiviti pembelajaran asinkron untuk membina keyakinan pelajar dalam menyampaikan diri dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi lisan serta bukan lisan. Dengan modul terstruktur dan sesi interaktif, pelajar dapat meningkatkan kemahiran bercakap dalam konteks akademik dan sosial. Laporan ini menilai objektif, pelaksanaan, impak serta cabaran dalam pelaksanaan program tersebut.

**Ilmu yang Berjaya dipindahkan:**  
Pelaksanaan bengkel menggunakan model kursus asinkron berjaya meningkatkan kemahiran komunikasi

lisan, kemahiran ICT dan keyakinan peserta menyediakan alat pengajaran praktikal dan menyokong pengalaman pembelajaran yang lebih berkesan.

**Hasil Akhir kepada Industri:**  
Pelaksanaan bengkel ini berjaya menggabungkan penyebaran pengetahuan, latihan interaktif dan penggunaan model kursus asinkron untuk meningkatkan kemahiran komunikasi lisan, kemahiran ICT serta keyakinan peserta memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih berkesan.

**Hasil Akhir Kepada Pembangunan Insan:**  
Proses ini meningkatkan kemahiran pelatih siswazah dalam memfasilitasi aktiviti interaktif, menggunakan alat asinkron dan membina

keyakinan untuk kerjaya.

**Pulangan Akhir Kepada UA:**  
Program ini membolehkan akademik berkongsi kepakaran, memvalidasi model kursus dan meningkatkan kemahiran komunikasi serta pendekatan pedagogi pendidik.

**Implikasi Projek:**  
Pemindahan pengetahuan mengenai model kursus asinkron dalam mempromosikan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar.

**Ketua Penyelidik dan Penyelidik Bersama:**  
Dr Khazaila Zaini (FBK), Dr Mohd Haniff Mohd Tahir (FBK), PM Dr Intan Safinas Mohd Ariff Albakri (FBK) dan Pn Nirmaladevi A/P Subramaniam (SK Sg. Buaya).

